



DATUK SERI Dr Mahathir dan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah, tertarik dengan kerja-kerja membuat alat elektronik sewaktu melawat Syarikat Sapura Holdings Sendirian Berhad di Ulu Klang semalam.

Beliau, yang sebelum ini merasmikan syarikat itu, diberi penerangan oleh Pengerusi Syarikat itu, Encik Shamsuddin Abdul Kadir (kanan).

Sapura Holding adalah sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Bumiputera, mengeluarkan alat-alat seperti telefon dan komputer.

Syarikat yang ditubuhkan pada tahun 1975 itu juga adalah syarikat Bumiputera ulung dalam perusahaan perhubungan di Malaysia. Kira-kira 90 peratus pekerjaanya adalah Bumiputera — Gambar Berita Minggu.

Malaysia mampu membuat dasar dan melaksanakannya

KUALA LUMPUR, Sabtu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, Malaysia bukanlah negara pengemis yang meminta orang lain untuk membentuk sesuatu dasar dan melaksanakannya.

Tegas beliau: "Kita tidak membentuk dasar yang memerlukan orang lain bertindak. Kita membentuk dasar untuk diri kita dan kita lah yang bertanggungjawab untuk melaksanakannya dasar itu," tambahnya.

Dasar Pandang ke Timur, misalnya, "tidak bermakna orang lain mesti pikul beban kita atau mereka akan mendapat layanan istimewa," kata Perdana Menteri ketika merasmikan Kompleks Sapura Holdings di Ulu Kelang dekat sini, hari ini.

Syarikat 100 peratus milik Bumiputera itu bergerak di bidang elektronik untuk membuat telefon.

Beliau berkata, dasar itu bermakna negara berpaling ke Timur untuk melihat dan mempelajari bagaimana bangsa Timur berjaya membangunkan negara mereka dan bersaing dengan bangsa-bangsa lain.

"Jika mereka berjaya tentulah ada sebab-sebabnya. Inilah yang kita hendak tahu dan kita hendak tiru jika ia sesuai dengan kita dan tidak bertentangan dengan ni-

lai-nilai yang baik," jelasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, antara sebab beberapa negara Timur maju ialah rajin, tidak mudah tawar hati dan kecewa, kesetiaan kepada majikan, sabar dan tabah hati, dedikasi terhadap peningkatan daya pengeluaran dan mutu, kesanggupan belajar dan melatih diri, disiplin dan bertanggungjawab dan sebagainya.

"Hampir semua ini tidak ada pada kita atau tidak ada secukupnya," jelas beliau lagi.

Kata Perdana Menteri: "Selama kita mendewa-

dewakan Barat, banyaklah nilai dan amalan yang buruk telah kita serapkan. Oleh itu memandang dan meniru orang Timur menjadi sukar sehingga ramal dari kita yang menentang atau kurang senang dengan Dasar Pandang ke Timur," katanya.

Manja

Mengenal penyertaan Bumiputera dalam perniagaan, beliau berkata, pada dasarnya kerajaan tidak mempunyai halangan bagi kakitangan kerajaan terutama Bumiputera melakkan jawatan untuk memasuki

sektor perniagaan dan perusahaan.

Pengalaman mereka dalam perkhidmatan awam mungkin boleh membantu mereka mengurus dan mengendalikan perniagaan, jelasnya.

Tetapi, tegas beliau, pengalaman dalam sektor awam sahaja belum dapat memastikan kejayaan kerana bagi mencapai kejayaan khususnya dalam dunia perniagaan yang ada saingan ketat, latihan pengurusan adalah penting.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, di negara ini rakyat terlalu manja

dengan kerajaan.

"Setiap kali kita beradang mengadakan perniagaan, kita tuntut supaya kerajaan memberi perlindungan atau kita diberi kontrak oleh kerajaan atau subsidi atau dikecualikan dari cukai dan sebagainya.

"Oleh kerana kejayaan kita bergantung kepada pertolongan kerajaan, maka kita tidak mungkin berjaya di negara lain di mana kerajaannya tidak memberi perlindungan. Ini bermakna perusahaan dan perniagaan Malaysia tidak mungkin bersaing di pasaran dunia," tegasnya lagi.